

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PUSAT PEMBELIAN
BAHAN KITAR SEMULA
21 APRIL 2012 (SABTU) 2.30 PETANG**

Yang Dihormati **Encik Soon Lip Chee**
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai
Merangkap Pengerusi Pasukan Kerja LA21 Mesra Alam, MPSP

Yang Dihormati **Encik Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha **Tuan Sr. Hj Rozali bin Hj Mohamud**
Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati **Encik Andy Loo Heok Ming**
Pengurus Megamal Pinang

Ketua-ketua Jabatan & Pegawai-pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamualaikum.....

Selamat petang dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan Majlis Perasmian Pusat Pembelian Bahan Kitar Semula pada hari ini.

Untuk makluman semua, Pasaraya Megamal merupakan pasaraya yang kedua menubuhkan pusat pembelian bahan kitar semula selepas Pasaraya Sunway Carnival yang telah mengadakan majlis seumpama ini pada 1 Januari 2011 yang lalu.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pasaraya Megamal di atas Penubuhan Pusat Pembelian Bahan Kitar Semula ini yang mana ianya dapat menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian mereka.

Justeru itu, saya mengharapkan lebih banyak lagi pasaraya yang akan mengambil pendekatan yang sama untuk menubuhkan pusat pembelian bahan kitar semula di pasaraya masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Tujuan penubuhan pusat kitar semula ini ialah untuk memberi kemudahan kepada masyarakat menjual barang-barang yang boleh dikitar semula sekaligus memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kebaikan dan kepentingan mengitar semula bahan-bahan buangan.

Sekiranya semua masyarakat kita mengamalkan kitar semula maka kos pengurusan sisa pepejal dapat dikurangkan sekaligus MPSP akan dapat menjimatkan jutaan ringgit. Hasil daripada penjimatan ini, MPSP sudah pasti dapat membelanjakan wang tersebut untuk keperluan rakyat dan penduduk Seberang Perai.

Di MPSP, kadar kutipan sisa pepejal bagi tahun 2011 adalah berjumlah 546,000 tan setahun. MPSP telah mencapai 26.48% kadar kitar semula dengan penjimatan sebanyak 2.5 juta dan boleh mencapai sasaran 30% pada tahun 2012 iaitu lebih awal dari sasaran KPKT pada tahun 2020.

Pada tahun 2011, MPSP telah membelanjakan RM42.3 juta untuk menguruskan kerja-kerja pembersihan, kutipan dan pelupusan sisa pepejal di Seberang Perai.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Majlis Perbandaran Seberang Perai berusaha untuk “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan”, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang lengkap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti mestilah dipertingkatkan sejajar dengan peredaran semasa.

Selain itu juga, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah membentuk 7 Fokus MPSP pada Tahun 2012 iaitu :

- Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
 - Program yang menjurus kepada kebersihan dan kehijauan
- Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti
 - Program bersama masyarakat
- Fokus 3 : Perancangan dan Pembangunan
- Fokus 4 : Penguatkuasaan
 - Memberi kesedaran
 - Memberi pendidikan
 - Tindakan @ penguatkuasaan
- Fokus 5 : Peningkatan Hasil dan Penjimatkan Kos
 - Menjimatkan kos
- Fokus 6 : Penyertaan Komuniti Dalam Pengususan Fiskal
 - Dialog bajet 2013 (Mei 2012)

- Fokus 7 : Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Fokus MPSP 2012, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian MPSP ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang.

Program kita pada hari ini adalah selaras dengan Fokus 1 :

Pembersihan dan Kehijauan dan Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti. Terdapat pelbagai usaha dilakukan untuk merealisasikan fokus ini iaitu :

1. Mengadakan program 4R (Rethink, Reduce, Reuse, Recycle)
2. Komposting – menjadikan sisa makanan sebagai baja kompos (Pasar bagan Ajam – kutipan 4 tan sehari)
3. Mud ball (19200 biji – sehingga April 2012)
4. Sabun Dari minyak Masak Terpakai
5. Program Sekolah Hijau – 2011 (36 sekolah telah mengambil bahagian), 2012 (47 sekolah telah mendaftar)
6. Program Industri Hijau
7. Program Zero Waste (SK To' Kandu & SJK(C) True Light
8. Taman Perumahan Bersih – Taman Bertam Permai, Taman Bukit Indah, Taman Kasawari
9. CSR – Taman Rekreasi

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Akhir kata, saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MPSP, menggembungkan tenaga dalam menjayakan Program Kitar Semula di Pulau Pinang. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya menyusahkan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim sukacitanya saya merasmikan Pusat Pembelian Bahan Kitar Semula Pasaraya Megamal Pinang.

Sekian, terima kasih.